

PM minta BPR bertindak tanpa takut, pilih kasih

BH - 24/4/2004, m/s: 2

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk terus menyasiat kes rasuah yang dilaporkan kepada agensi itu tanpa rasa takut atau pilih kasih.

Perdana Menteri berkata, beliau juga mengarahkan BPR untuk menyegerakan siasatan tanpa mengorbankan aspek ketelitian supaya prinsip kepada segala tindakan punitif mesti berdasarkan keadilan.

"Oleh itu, kita harus berlaku adil kepada yang dituduh selagi dia belum dibuktikan bersalah," katanya ketika melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini, semalam.

Beliau berkata, penangkapan beberapa tokoh korporat, ahli politik dan pegawai pentadbiran awam berkaitan kes rasuah atau pecah amanah baru-baru ini membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) amat serius dalam menangani rasuah.

Bagaimanapun katanya, orang ramai mesti menjauhi prasangka, emosi atau mengelak 'perbicaraan oleh media' iaitu seseorang dianggap bersalah pada hal perkara itu belum disiasat sepenuhnya.

Abdullah berkata, bagi memerangi rasuah, kerajaan melakukannya menerusi tindakan pencegahan yang bersifat serampang dua mata.

Pertama, kerajaan berusaha secara gigih menerapkan nilai murni di kalangan rakyat bermula dengan pegawai kerajaan manakala kedua, kerajaan berusaha memantapkan proses kerja untuk mengurangkan peluang berlaku rasuah.

Katanya, untuk melaksanakan strategi serampang dua mata itu da-

lam sektor kerajaan, ia sudah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan.

"Namun, pada hakikatnya, usaha untuk meningkatkan integriti perlu dilakukan dalam sektor lain. Oleh itu, kerajaan sudah mengambil beberapa langkah positif ke arah ini.

"Misalnya, kerajaan sudah merumuskan kod etika untuk syarikat swasta iaitu Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia. Baru-baru ini, beberapa inisiatif baru diambil untuk meningkatkan integriti di kalangan polis dan wakil rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, satu daripada terma rujukan Suruhanjaya khas mengenai polis yang ditubuhkan awal tahun ini adalah meningkatkan imej dan integriti anggota polis.

Beliau juga melancarkan satu kod etika bagi wakil rakyat Isnin lalu yang antara lain menggariskan beberapa langkah bagi memantapkan integriti wakil rakyat.


Abdullah berkata, semua pihak harus menangani rasuah secara menyeluruh dan menyuburkan semula nilai murni dalam segala tingkah laku dan tindakan mereka.

"Tidak ada gunanya jika masyarakat Malaysia kaya dari segi kebendaan, tetapi mufliis dari segi nilai moral, etika dan integriti.

"Kerajaan sedar wujud tanggapan umum bahawa gejala rasuah semakin bertapak dalam masyarakat kita masa kini.

"Hampir setiap orang di antara kita ada saja cerita tersendiri mengenai dirinya sendiri atau kenalannya yang pernah membayar duit kopi untuk menyegerakan sesuatu permohonan atau melepaskan diri daripada membayar saman trafik," katanya.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda



ABDULLAH berbual dengan Lim (dua dari kanan) selepas menyampaikan buku mengenai Pelan Integriti Nasional di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan ialah Najib dan Samsudin. - Gambar oleh Ramdzan Masiam

BN berikrar akan menterjemahkan PIN dalam setiap tindakannya sebagai tanda sokongan terhadap kerajaan dan penghargaan kepada rakyat yang memberi kepercayaan bagi generasi muda menjadi pemimpin.

Pengerusinya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata banyak perkara yang disebut dan dilakukan Perdana Menteri berjaya menarik minat generasi muda untuk memberi mandat serta kepercayaan kepada Perdana

Menteri melaksanakan perubahan kepada negara.

"PIN dan penubuhan Institut Integriti Malaysia adalah bukti nyata kerajaan BN bersungguh-sungguh mengotakan janjinya kepada rakyat, terutama pengundi muda.

"Ia juga membuktikan komitmen kerajaan BN untuk memastikan Malaysia bebas gejala rasuah dan salahguna kuasa, selain tanda kesungguhan kerajaan melihat" *Malaysia*

terus berdaya saing manakala kehidupan rakyat sentiasa makmur," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, PIN dirangka secara menyeluruh dan memerlukan pembabitian kerajaan dan rakyat, selain menuntut pembentukan 'role model' di peringkat pemimpin dan institusi keluarga sebagai pemangkin kepada perubahan masyarakat